

PENGETAHUAN COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DALAM KALANGAN KOMUNITI DI PULAU MABUL, SABAH.

KNOWLEDGE ON COVID-19 AND MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) AMONG COMMUNITY IN MABUL ISLAND, SABAH.

Badariah Saibeh^{1*}
Mohd Soffian Osman²
Gusni Saat³
Lutfi Hafifi Japili⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UMS), Malaysia, (E-mail: badariah_sh@ums.edu.my)

²Safety Management Academy, Malaysia, (Email: soffian@refflesiagroup.com.my)

³Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF), Malaysia, (E-mail: sgusni@gmail.com)

⁴Malaysian Relief Agency (MRA), Malaysia (E-mail:lutfi@mra.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021
Revised date : 16-08-2021
Accepted date : 30-09-2021
Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Saibeh, B., Osman, M. S., Saat, G., & Japili, L. H. (2021). Pengetahuan Covid-19 Dan Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Dalam Kalangan Komuniti Di Pulau Mabul, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 132 - 143.

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang pengetahuan dan pemahaman komuniti mengenai COVID-19 dan pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan untuk membendung wabak COVID-19 daripada tersebar. Komuniti yang diberi fokus dalam kajian ini adalah komuniti yang tinggal di pulau atau dikenali sebagai komuniti pulau. Dalam konteks negeri Sabah, sebahagian penduduk tinggal di kepulauan terutama di daerah Semporna. Oleh kajian ini menjelaskan sejauh mana sosialisasi pendidikan COVID-19 dan SOP PKP berlaku dalam kalangan komuniti pulau, khususnya di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. Metodologi kajian yang digunakan pendekatan kualitatif melalui dua kaedah iaitu borang tinjauan dan temu bual separa berstruktur terhadap 105 orang responden yang terdiri daripada 13 peratus warganegara Malaysia, 9 peratus penduduk tetap, 21 peratus orang pelarian dan 57 peratus penduduk tiada kewarganegaraan. Unit analisis kajian ini adalah komuniti yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin komuniti dan ketua isi rumah. Data kajian mendapati pengetahuan komuniti Pulau Mabul mengenai COVID-19 berada pada tahap baik. Hal ini kerana ciri-ciri COVID-19 telah dapat digarap oleh responden dengan memberikan pelbagai ciri COVID-19 berdasarkan pengetahuan mereka. Pengetahuan tersebut banyak diperolehi daripada televisyen dan media sosial. Oleh kerana unit analisis kajian adalah komuniti, maka totaliti pelbagai ciri yang responden berikan menunjukkan bahawa komuniti Pulau Mabul tahu mengenai COVID-19 secara umum. Walau bagaimanapun, pengetahuan COVID-19 tidak berhubung secara positif dengan pengetahuan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai tindakan kerajaan bagi memutuskan rangkaian COVID-19. Selain itu, aspek amalan

penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka dilihat amat terabai dalam komuniti Pulau Mabul. Antara faktor utama yang menyebabkan pengabaian ini adalah ramai komuniti di Pulau Mabul tidak berpendidikan kerana majoriti penduduk adalah bukan warganegara. Oleh itu, mereka tidak dapat memahami dengan jelas kepentingan pematuhan SOP dalam membendung wabak COVID-19 daripada tersebar. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ianya boleh mendedahkan komuniti pulau terhadap jangkitan COVID-19.

Kata Kunci: COVID-19; Perintah Kawalan Pergerakan; Pengetahuan; Kesedaran; Komuniti pulau; Penduduk tiada kewarganegaraan

Abstract: *The purpose of this paper is to discuss on the knowledge and understanding among Mabul Islands community about COVID-19 and the implementation of Movement Control Order (MCO) with the aim to control the spreading of COVID-19. The study has been carried out using survey form and semi-structured interview towards 105 respondents consist of 13 percent Malaysian citizens, 9 percent permanent residents, 21 percent refugees and 57 percent people without citizenship. The analysis unit of this study is a community consisting of community leaders and household heads. The study data found that the knowledge of Mabul Islands community about COVID-19 is at a good level. This is because the respondents are able to describe the various features of COVID-19 accurately even though it is not structured. Since the unit of analysis of the study is a community, therefore the various features of COVID-19 they have described in total show that in general, the community of Mabul Island does understand it. However, the knowledge of COVID-19 is not positively related to the knowledge on MCO as government's action in order to break the chain of COVID-19 transmission. Furthermore, it was observed that physical distancing and wearing face mask practices were highly neglected in the Mabul Island community. Among the main factors that cause this situation is that most of them are uneducated since majority of them are non-citizens. Therefore, they could not clearly understand the importance of SOP compliance in curbing the COVID-19 outbreak from spreading. This an alarming situation as it can expose the community to COVID-19 infection.*

Keywords: COVID-19; Movement Control Order; Knowledge; Awareness; Island community; People without citizenship

Pengenalan

Pandemik COVID-19 menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia sejak 18 Mac 2020 bagi fasa pertama (PMO, 2020a; BH, 2020a). Fasa kedua bermula pada 1 April 2020 dan pada 15 April 2020 memasuki fasa ketiga (PMO, 2020b; PMO, 2020c). Pelaksanaan PKP adalah selaras dengan Arahan No. 20 bagi Majlis Keselamatan Negara yang termaktub di Bahagian 5 dalam Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (MKN, 2012). Penduduk dikehendaki menghadkan pergerakan keluar rumah dan menjaga jarak sosial (kini dikenali sebagai penjarakan fizikal bermula 31 Julai 2020) (PMO, 2020d; KPK, 2020a). Pematuhan yang tinggi oleh penduduk terhadap PKP amat diperlukan untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), maka pada fasa ketiga PKP, di samping meneruskan sosialisasi COVID-19, penduduk yang ingkar

terhadap PKP terus ditahan dan dikenakan tindakan mahkamah (Bernama, 2020). Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menegaskan berdasarkan Seksyen 24 Akta 342, mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara maksimum dua hingga lima tahun atas kesalahan tersebut. Walau bagaimanapun, langkah-langkah pencegahan berkaitan seperti sosialisasi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Malaysia melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) umumnya lebih tertumpu di kawasan daratan.

Dalam konteks negeri Sabah, sebahagian penduduk tinggal di kepulauan terutama di daerah Semporna. Oleh itu timbul persoalan sejauh manakah sosialisasi pendidikan COVID-19 dan SOP PKP berlaku dalam kalangan komuniti pulau. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan pengetahuan komuniti mengenai wabak COVID-19 dan SOP PKP yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ke atas komuniti di Pulau Mabul, Semporna Sabah. Perbincangan dibahagikan kepada tiga, pertama, latar belakang responden; kedua, pengetahuan mengenai wabak COVID-19 dan ketiga, pengetahuan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Komuniti pulau

Konsep utama artikel ini adalah “komuniti pulau”. Komuniti merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendiami sebuah kawasan yang dikongsi bersama. Komuniti juga adalah berteraskan solidariti etnik, kekeluargaan, dan modal sosial (Saat, G., 2019). Daerah Semporna mempunyai banyak pulau dan kebanyakan pulau mempunyai komuniti yang menghuninya. Berdasarkan sejarah negeri Sabah pada tahun 1970-an menceritakan kedatangan orang pelarian perang secara beramai-ramai dari Selatan Filipina ke Sabah. Lokasi bahagian Pantai Timur Sabah yang berdekatan dengan Selatan Filipina menyebabkannya menjadi tumpuan kedatangan orang pelarian Filipina, termasuklah daerah Semporna. Kebanyakan orang pelarian perang Filipina tinggal pulau-pulau di sekitar Semporna dan mendiami pulau-pulau tersebut selama empat generasi sehingga kini (Ali, I., & Karulus, Y., 2012; Saibeh, B., 2018b). Sehubungan itu, sebahagian komuniti pulau di daerah Semporna adalah bukan warganegara Malaysia.

Menurut Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah, terdapat sebilangan individu dalam kalangan penduduk bukan warganegara itu pula tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan tergolong dalam kategori penduduk *Sabah in Land Foreigner* (SILF) (seperti dipetik dalam Ong, 2015). Hal ini adalah kerana mereka tidak diberikan kewarganegaraan secara automatik sekali pun mereka dilahirkan di Sabah (Saibeh, B., 2018a, 2018b). Walaupun penduduk SILF ini bukan warganegara Malaysia, namun dalam konteks pandemik COVID-19, perhatian yang sewajarnya tetap perlu diberikan kepada mereka kerana jangkitan COVID-19 tidak mengira latar belakang mangsa dan penyebarannya. Sehubungan itu, pandemik COVID-19 adalah isu keselamatan dan kemanusiaan yang melibatkan semua penduduk tanpa mengira status kewarganegaraan mereka.

Pada 7 September 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan penularan wabak COVID-19 berkaitan dengan pulau yang melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah telah mewujudkan Kluster Benteng LD. Kluster ini bermula daripada dua orang PATI yang ditahan di Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu, Sabah dan setelah disaring, mereka didapati positif COVID-19. Kes dimasukkan ke Hospital Lahad Datu

dan aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat dijalankan (KKM, 2020; SH, 2020b). Dalam tempoh tujuh hari, seramai 1,404 orang telah disaring dan 66 kes positif COVID-19 telah dikesan yang menjadi kontak rapat dua orang PATI tersebut termasuk banduan, pegawai penjara dan orang awam (KPK, 2020c). Hal ini menunjukkan bahawa PATI juga terlibat sebagai penyebar virus COVID-19 serta berisiko untuk mencetuskan kluster baharu jangkitan, seterusnya menjadi satu cabaran baharu dalam membendung peningkatan kes COVID-19 di Malaysia, termasuklah di Timur Sabah seperti di daerah Semporna (KKM, 2020b; SH, 2020a).

Selain itu, salah satu bentuk cabaran yang melibatkan PATI ialah kesukaran untuk melakukan saringan kesihatan, kecuali mereka yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa. Namun bilangannya sangat sedikit berbanding dengan PATI yang masih bebas. Dapatan kajian yang telah diperoleh dari Pulau Mabul memperlihatkan memang sukar bagi pihak kerajaan untuk mendekati golongan PATI, antara sebabnya ialah persekitaran ekologi-fizikal kepulauan Semporna yang luas dalam wilayah Sempadan Malaysia-Filipina (Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah, 2012; Saibeh, B., 2018b). Di samping itu, mereka juga sentiasa mengelak daripada bertembung dengan pihak penguat kuasa maritim Malaysia.

Pengetahuan COVID-19 dan Perintah kawalan pergerakan

Berdasarkan Perkara 10, Bahagian 5 di dalam Arahan Mengenai Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara atau dikenali sebagai Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN 20) (2012) menyarankan supaya kerajaan mengadakan langkah kesiapsiagaan sekiranya bencana seperti pandemik COVID-19 berlaku di negara ini. Oleh itu, dalam konteks penduduk di negeri Sabah, keadaan persekitaran geografi dan status kerakyatan, dijangkakan menjadi halangan terhadap usaha sosialisasi pendidikan COVID-19 dan SOP PKP dilaksanakan.

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga 16 April 2020, pihak KKM telah mengesan sebanyak 601 kes positif COVID-19 (iaitu 356 kes sedang dirawat, 242 kes telah pulih dan tiga (3) kes kematian) dalam kalangan bukan warganegara Malaysia. Mereka adalah termasuk kumpulan pelancong, pekerja asing, golongan pelarian dan pemohon suaka (*asylum seeker*) (KPK, 2020b). Daripada jumlah bukan warganegara tersebut, 212 orang adalah dari negara Filipina dan Indonesia yang kebanyakannya berada di Sabah dan antaranya golongan migran yang berada di kepulauan Semporna.

Selain itu, dari sudut persekitaran geografi, halangan kesampaian pihak kerajaan kepada komuniti yang tinggal di pulau dijangka menyebabkan penduduk tidak mendapat maklumat yang berkesan tentang pendidikan COVID-19 dan SOP PKP. Begitu juga dari aspek status kewarganegaraan yang secara umumnya penduduk bukan warganegara yang tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah, dijangka mempunyai pengetahuan yang paling sedikit tentang COVID-19 dan SOP PKP.

“Pengetahuan” yang dimaksudkan dalam artikel ini adalah kefahaman komuniti Pulau Mabul tentang pengertian COVID-19. Manakala pengetahuan terhadap PKP pula adalah merujuk kepada kefahaman komuniti pulau terhadap tujuan SOP PKP dilaksanakan di Pulau Mabul.

Tahap pengetahuan mereka terhadap dua perkara tersebut, dirumuskan berdasarkan maklum balas mereka terhadap borang tinjauan dan temu bual yang dijalankan dalam kajian ini.

Metodologi Kajian

Tujuan artikel ini ialah membincangkan pengetahuan komuniti pulau mengenai wabak COVID-19 dan SOP PKP yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua kaedah kajian iaitu borang tinjauan dan temu bual separa berstruktur. Responden kajian ini seramai 105 orang yang ditentukan secara pensampelan bertujuan. Borang tinjauan telah dijawab oleh 95 orang responden untuk mengetahui pengetahuan penduduk Pulau Mabul secara umum mengenai wabak COVID-19 dan PKP.

Seterusnya temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut dan menyeluruh tentang pengetahuan komuniti Pulau Mabul terhadap COVID-19 dan SOP PKP. Seramai 10 orang *key informant* telah ditemu bual yang terdiri daripada pemimpin komuniti dan pasukan keselamatan iaitu Pasukan Polis Marin (PPM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA) yang ditempatkan di pulau tersebut. Kedua-dua pasukan keselamatan ini penting dalam kajian ini kerana mereka merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sosialisasi dan penguatkuasaan SOP PKP bagi membendung penularan COVID-19 dalam kalangan komuniti di pulau tersebut.

Walaupun kajian menggunakan responden dan *key informant* bagi mendapatkan data kajian tetapi yang menjadi unit analisis kajian ini ialah komuniti, bukannya individu. Atas keperluan tersebut, dalam kalangan responden kajian ini, kebanyakannya adalah ketua isi rumah dan pemimpin-pemimpin komuniti.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian membincangkan data kajian tentang latar belakang responden iaitu komuniti di Pulau Mabul, termasuklah status kewarganegaraan mereka. Seterusnya perbincangan dilakukan mengenai pengetahuan mereka tentang COVID-19 dan PKP.

Latar belakang responden

Responden kajian ini seramai 105 orang dan daripada jumlah tersebut 95 orang menjawab soalan dalam borang tinjauan dan 10 orang temu bual separa berstruktur. Latar belakang responden kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 68 peratus daripada responden kajian ini adalah perempuan dan 32 peratus adalah lelaki. Jumlah responden berdasarkan etnik pula menunjukkan etnik Bajau yang paling ramai iaitu 49 peratus, diikuti oleh etnik Suluk sebanyak 27 peratus, etnik Bajau Suluk 15 peratus, manakala 9 peratus responden daripada etnik Bajau Laut.

Jadual 1: Jantina dan etnik responden.

Perkara	Jantina (105 orang)		Etnik (105 orang)			
	Lelaki	Perempuan	Bajau	Suluk	Bajau Suluk	Bajau Laut
Bilangan (orang & peratus)	33 (68%)	72 (32%)	51 (49%)	29 (27%)	16 (15%)	9 (9%)

Seterusnya latar belakang responden berdasarkan status kewarganegaraan ditunjukkan di Jadual 2. Jumlah responden berstatus warganegara Malaysia yang memegang dokumen MyKad hanyalah 13 peratus sahaja. Hal ini disebabkan, berdasarkan profil penduduk di Pulau Mabul, hanya 11 peratus sahaja penduduk berstatus warganegara Malaysia, manakala 89 peratus adalah penduduk bukan warganegara Malaysia (Saibeh, 2018b). Responden kajian berstatus penduduk tetap yang memegang dokumen MyPR sebanyak 9 peratus diikuti oleh orang pelarian yang memegang Pasport IMM13 seramai 21 peratus. Sebanyak 57 peratus responden kajian ini tiada kewarganegaraan dan jenis dokumen pengenalan diri yang dimiliki hanyalah untuk tujuan pemantauan daripada pihak keselamatan sahaja seperti dokumen Bancian, Penempatan dan Lapa.

Jadual 2: Status kewarganegaraan responden.

Bil.	Status Kewarganegaraan	Jenis Dokumen	Jumlah (Org.)	Peratus (%)
1	Warganegara Malaysia	MyKad	14	11
2	Penduduk Tetap	MyPR	9	9
3	Orang Pelarian	IMM13	22	21
4	Tiada Kewarganegaraan	Tiada dokumen	60	57
Jumlah responden			105	100

Majoriti komuniti di Pulau Mabul berstatus bukan warganegara iaitu 93 peratus (2,857 orang) daripada 3,068 orang jumlah penduduk berdasarkan Profil Penduduk Pulau Mabul Tahun 2019 (JKKMP, 2019). Jumlah komuniti bukan warganegara di Pulau Mabul telah meningkat sebanyak 4 peratus berbanding tahun 2014 (Saibeh, B., 2018a, 2018b). Peningkatan ini disebabkan kelahiran anak-anak-anak bukan warganegara yang mewarisi status kewarganegaraan ibu bapa mereka. Tambahan lagi, majoriti penduduk bukan warganegara di Pulau Mabul merupakan pelarian perang dari Selatan Filipina yang melarikan diri ke Negeri Sabah pada tahun 1970-an dahulu (Saibeh, B., 2018a). Bilangan mereka yang ramai di Negeri Sabah menyebabkan pihak Kerajaan Negeri Sabah memberikan mereka dokumen seperti IMM13, MyKas, Surat JKM dan Sijil Banci yang bertujuan untuk memantau bilangan dan pergerakan mereka (Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah, 2012). Oleh itu, penduduk bukan warganegara di Pulau Mabul bukan sahaja tiada kewarganegaraan dari Negara Filipina kerana mereka adalah anak-anak pelarian perang, malah mereka juga tiada kewarganegaraan Malaysia.

Selain etnik Bajau dan Suluk yang tiada kewarganegaraan, sub-etnik Sama-Bajau iaitu Bajau Laut juga berstatus sebagai “orang tanpa negara” iaitu status yang mereka warisi dari generasi terdahulu (Saat et. al, 2020). Etnik Bajau Laut merupakan penduduk peribumi kepulauan Semporna yang hidup secara nomad di atas perahu. Mereka akan singgah selama dua atau tiga bulan di Pulau Mabul dan selepas itu akan berpindah ke pulau-pulau lain sekitar Semporna. Namun begitu, terdapat Bajau Laut yang melakukan proses sedentari di Pulau Mabul. Mereka berpindah daripada tinggal atas perahu dan mendirikan rumah di pinggir pantai (Saat et. al, 2020).

Walau bagaimanapun, terdapat tujuh peratus (211 orang) komuniti di Pulau Mabul yang terdiri daripada etnik Bajau dan Suluk berstatus warganegara (memilik dokumen MyKad) dan penduduk tetap (memiliki dokumen MyPR) (JKKMP, 2019). Komuniti tersebut boleh menerima pendidikan formal di sekolah kebangsaan di Pulau Mabul. Oleh itu penduduk etnik Bajau dan Suluk yang berpendidikan mempunyai pengetahuan dan pemahaman mengenai wabak COVID-19, seterusnya mempunyai kesedaran untuk menghindari wabak tersebut. Namun demikian, masih terdapat ramai penduduk etnik Bajau dan Suluk berstatus sebagai pelarian (memiliki dokumen IMM13) dan tiada dokumen pengenalan diri rasmi. Oleh itu, mereka mengalami keterhadan akses terhadap hak asasi manusia seperti pendidikan dan kesihatan (Allerton, 2004; Sadiq, 2008; Saibeh, 2018b). Maka, dijangkakan mereka yang tiada kewarganegaraan dan tidak berpendidikan akan berdepan dengan isu pemahaman mengenai COVID-19 dan SOP yang telah ditetapkan dalam menghadapi wabak tersebut.

Pengetahuan mengenai COVID-19

Jadual 3 menunjukkan pengetahuan responden mengenai COVID-19 oleh 55 peratus responden. Jawapan mereka lebih kepada gejala-gejala yang disebabkan oleh COVID-19. Sebanyak 45 peratus responden lagi menyatakan tidak tahu mengenai COVID-19.

Jadual 3: Pengetahuan mengenai COVID-19.

Bil.	Gejala COVID-19	Jumlah (Org.)	Peratus (%)
1	Demam, selsema, sakit dada dan sesak nafas	6	6
2	Penyakit berjangkit	15	14
3	Kuman dan virus	33	31
4	Penyakit boleh menyebabkan kematian	4	4
5	Tidak tahu	47	45
Jumlah responden		105	100

Berdasarkan Jadual 3, sebanyak 31 peratus responden mengatakan COVID-19 adalah kuman dan virus, Sebanyak 14 peratus menjawab penyakit berjangkit, demam, selsema, sakit dada dan sesak nafas sebanyak 6 peratus dan penyakit boleh menyebabkan kematian sebanyak 4 peratus. Pada umumnya, semua empat ciri penyakit yang diberikan oleh 55 peratus responden adalah terangkum dalam gejala sakit COVID-19. Hal ini menunjukkan mereka tahu penyakit COVID-19, cuma masing-masing hanya menyatakan simptom yang dekat dengan fikiran mereka.

Walaupun sebanyak 45 peratus responden lagi tidak dapat menyatakan apa-apa tentang gejala COVID-19, namun tidak bermakna mereka secara total tidak tahu secara asas mengenai COVID-19. Hal ini kerana, responden tersebut merupakan individu dan ahli keluarga yang hidup dalam komuniti. Salah satu daripada ciri penting komuniti pulau ialah modal sosial yang sentiasa berperanan untuk menggerakkan saling membantu demi kesejahteraan ahlinya. Oleh sebab itu, bilangan sebahagian responden (ahli komuniti) yang tahu mengenai COVID-19 sudah menggambarkan bahawa pada peringkat komuniti mereka sudah ada pengetahuan asas mengenai COVID-19. Para responden yang tahu secara kolektiviti pengertian COVID-19, adalah dalam kalangan pemimpin komuniti yang mempunyai peranan penting dalam menggerakkan modal sosial komuniti.

Sehubungan itu, dari segi modal sosial, terdapat hubungan saling bantu-membantu dalam hal-hal tertentu seperti bekerjasama melakukan aktiviti sosio-budaya. Dalam keadaan tertentu seperti bencana wabak COVID-19, modal sosial di Pulau Mabul adalah merentas komuniti atau etnik. Organisasi sosial etnik yang kuat seperti komuniti Suluk dan Bajau Darat menghulurkan pertolongan kepada komuniti Bajau Laut yang dikira amat lemah sewaktu berdepan dengan bencana wabak COVID-19.

Sumber Pengetahuan mengenai COVID-19

Komuniti Pulau Mabul mempunyai organisasi sosial yang boleh dikatakan teratur dan berfungsi dengan baik, lebih-lebih lagi semasa PKP dilaksanakan untuk membendung wabak COVID-19. Sumber sosialisasi pengetahuan PKP seperti yang dinyatakan oleh warga komuniti adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Sumber pengetahuan tentang COVID-19.

Bil.	Sumber Pengetahuan	Jumlah (Orang)	Peratus (%)
1	Majlis Keselamatan Negara	3	3
2	Pasukan Keselamatan di Pulau Mabul	6	6
3	Berita di Televisyen	16	15
4	Jiran dan penduduk di pulau	18	17
5	Kenalan dari tanah besar Semporna	3	3
6	Pengumuman oleh Ketua Kampung	4	4
7	Media Sosial	6	5
8	Radio	2	2
9	Tidak tahu	47	45
Jumlah responden		105	100

Berdasarkan Jadual 4, sumber utama sosialisasi pengetahuan COVID-19 dalam komuniti Pulau Mabul adalah jiran dan penduduk di pulau iaitu sebanyak 17 peratus. Seterusnya, 15 peratus responden menyatakan mereka mendapat maklumat berkaitan COVID-19 daripada berita yang ditonton di televisyen (TV). Manakala sebanyak 6 peratus responden menjawab mendapat sumber daripada pasukan keselamatan di Pulau Mabul, media sosial sebanyak 5 peratus, Ketua Kampung sebanyak 4 peratus dan Majlis Keselamatan Negara serta kenalan penduduk di tanah besar Semporna masing-masing sebanyak 3 peratus. Sumber pengetahuan yang terendah adalah diperolehi daripada radio iaitu sebanyak 2 peratus.

Media elektronik seperti TV dan radio juga menjadi sumber sosialisasi penting pendidikan COVID-19 dalam kalangan komuniti pulau tersebut. Begitu juga dengan media sosial seperti *Facebook* dan *Whatsapp*. Walaupun masih ramai komuniti di pulau ini masih belum mempunyai TV, radio dan telefon bimbit seperti komuniti Bajau Laut, tetapi komunikasi bersemuka amat berperanan. Mereka yang mendapat maklumat mengenai COVID-19 daripada TV, radio dan media sosial akan berkongsi maklumat tersebut dengan jiran-jiran mereka dan penduduk lainnya.

Semasa PKP gelombang pertama, kajian mendapati pemimpin komuniti telah mengambil peranan utama dalam menyebarkan pengetahuan mengenai COVID-19. Ketua Kampung sebagai pemimpin utama komuniti Pulau Mabul mempunyai akses kepada maklumat dari media elektronik dan pihak agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pasukan keselamatan yang berada di Pulau Mabul iaitu PGA dan PPM. Sesuai dengan bentuk komunikasi utama komuniti pulau iaitu bersemuka, maka segala maklumat pun bergerak antara individu-keluarga dalam komuniti.

Pengetahuan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan

Jadual 5 memaparkan maklumat pengetahuan komuniti di Pulau Mabul mengenai PKP. Sebanyak 50 peratus responden menyatakan ada pengetahuan tentang PKP dan separuh lagi menyatakan tidak tahu. Sama seperti pengukuran pengetahuan komuniti terhadap COVID-19, bagi pengukuran pengetahuan tentang PKP responden telah dipohon untuk menjelaskan erti PKP. Perkara bilangan 1 hingga 5, adalah pengertian yang mereka telah berikan. Pengertian yang mereka berikan adalah ciri-ciri yang paling dekat tentang PKP mengikut fikiran mereka.

Jadual 5: Pengetahuan mengenai PKP.

Bil.	Pengetahuan	Jumlah (Orang)	Peratus (%)
1	Tidak boleh keluar rumah	32	30
2	Jaga jarak	5	5
3	Ikut perintah kerajaan/pasukan keselamatan	11	10
4	Pakai pelitup muka	3	3
5	Menjauhi dari virus	2	2
6	Tidak tahu	52	50
Jumlah responden		105	100

Berdasarkan jawapan responden di Jadual 5, ciri-ciri PKP yang diberikan oleh kebanyakan responden (30 peratus) sebagai satu perintah agar orang kampung tidak boleh keluar rumah kecuali atas urusan yang dibenarkan oleh pihak keselamatan. Urusan ini termasuklah keluar ke laut untuk menangkap ikan perlu mendapat kebenaran daripada PGA atau PPM. Sebanyak 10 peratus responden mentafsirkan PKP sebagai patuh kepada arahan pasukan keselamatan yang berada di Pulau Mabul. Hanya 3 peratus responden memakai pelitup muka dan 5 peratus daripadanya menjaga jarak fizikal ketika keluar dari rumah dan ianya dilakukan sekiranya terdapat anggota keselamatan di tempat tersebut. Sebanyak 2 peratus lagi responden menjawab PKP adalah cara untuk menjauhi virus COVID-19.

Seterusnya mengenai pelitup muka, hanya 50 peratus responden sahaja yang memiliki pelitup muka dan menurut mereka ianya digunakan berulang kali. Sebanyak 50 peratus lagi responden tidak memiliki pelitup muka kerana harga pelitup muka yang mahal di Pulau Mabul iaitu RM2.00 sekeping. Kesan COVID-19 terhadap aktiviti ekonomi penduduk di Pulau Mabul seperti hilang pekerjaan dan terjejas pendapatan menyebabkan mereka beranggapan bahawa adalah lebih baik wang disimpan dan digunakan untuk membeli makanan, berbanding membeli pelitup muka.

Justeru, kajian ini menunjukkan dalam kalangan tiga kumpulan sosial Pulau Mabul iaitu orang tanpa negara, orang tiada kewarganegaraan (pelarian Filipina), dan warganegara Malaysia, ternyata kumpulan orang tanpa negara sangat terbatas pengetahuan tentang COVID-19 dan SOP PKP, diikuti oleh orang tiada kewarganegaraan seperti pelarian Filipina yang memegang dokumen IMM13

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan artikel ini, dapat dirumuskan isu-isu penting tentang pengetahuan komuniti yang diteliti daripada dua perkara iaitu tahap pengetahuan mengenai COVID-19 dan juga pengetahuan tentang PKP. Pada keseluruhannya, pengetahuan komuniti Pulau Mabul mengenai COVID-19 berada pada tahap yang baik. Hal ini kerana, pengetahuan COVID-19 telah dapat digarap oleh penduduk di Pulau Mabul dengan memberikan jawapan mengenai ciri-ciri COVID-19. Walaupun ciri-ciri yang diberikan secara terpisah-pisah, namun ianya merupakan simptom dan kesan wabak COVID-19 terhadap manusia. Oleh kerana artikel ini menggunakan komuniti sebagai unit analisis kajian, maka totaliti pelbagai ciri yang telah diberikan oleh penduduk di Pulau Mabul menunjukkan komuniti pulau secara umumnya faham mengenai COVID-19.

Walau bagaimanapun, kefahaman terhadap COVID-19 tidaklah sama konteksnya dengan kefahaman terhadap SOP PKP, walaupun kedua-duanya saling berhubung-kait. Hal ini kerana kefahaman terhadap PKP adalah dalam konteks tindakan bagi memutuskan rangkaian COVID-19 daripada merebak dalam komuniti. Pemakaian pelitup muka dan menjaga jarak fizikal yang ditunjukkan dalam perkara bilangan 2 dan 4 dalam Jadual 5 merupakan asas penting pelaksanaan SOP PKP bagi membendung penyebaran wabak COVID-19. Namun, pemahaman terhadap asas SOP PKP ini terabai dalam komuniti. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ianya boleh mendedahkan komuniti terhadap jangkitan COVID-19 seterusnya memberi kesan buruk kepada penduduk di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan dengan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2104) dan geran penyelidikan Skim Dana Khas COVID-19 Universiti Malaysia Sabah (kod geran: SDK0241-2020), dengan tajuk penyelidikan, "Strategi Survival Penduduk Tiada Kewarganegaraan di Pulau-pulau sekitar Semporna menghadapi Pandemik COVID-19. Penyelidikan ini juga bekerjasama dengan Malaysian Relief Agency (MRA), pertubuhan badan bukan kerajaan semasa kutipan data kajian dijalankan. Sebahagian responden yang terlibat dalam kajian ini adalah penduduk yang menerima rawatan kesihatan daripada MRA.

Rujukan

- Ali, I., & Karulus, Y. (2012). *Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Allerton, C. (2004). Statelessness and the Lives of the Children of Migrants in Sabah, East Malaysia. *Tilburg Law Review: Journal of International and European Law*, 19 (1-2): 26-34.
- BH – Berita Harian. (2020a, Mac 17). Kronologi COVID-19 di Malaysia. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>
- BH – Berita Harian. (2020b, Mei 7). COVID-19: Koloni warga asing berisiko cetus kluster baharu. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686348/covid-19-koloni-warga-asing-berisiko-cetus-kluster-baharu>
- Bernama. (2020, April 14). PKP: Tiada lagi kompaun, terus ke mahkamah - Ismail Sabri. *Bernama.com*. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1831755
- JKKMP - Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Pelarian Kampung Pulau Mabul. (2019). *Profil Penduduk Kampung Pulau Mabul Tahun 2019*. Tidak diterbitkan.
- KKM – Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Kluster Bahar: Kluster Benteng LD*. <https://covid-19.moh.gov.my/sorotan/092020/kluster-baharu--kluster-benteng-ld>
- KPK – Ketua Pengarah Kesihatan. (2020a). *Kenyataan Akhbar KPK 11 Mac 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. <https://kpkesihatan.com/2020/03/11/kenyataan-akhbar-kpk-11-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- KPK – Ketua Pengarah Kesihatan. (2020b). *Kenyataan Akhbar KPK 17 April 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. <https://kpkesihatan.com/2020/04/17/kenyataan-akhbar-kpk-17-april-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- KPK – Ketua Pengarah Kesihatan. (2020c) *Kenyataan Akhbar KPK 7 September 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. <https://kpkesihatan.com/2020/09/07/kenyataan-akhbar-kpk-7-september-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- MKN – Majlis Keselamatan Negara. (2012). *Arahan No. 20 (Semakan Semula), Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara*. Jabatan Perdana Menteri.
- Ong, P.L., Selvadurai, S., Ong, P.H., Radzi, M. M., & Ong, P.T. (2015). *Stateless di Sabah: Antara Authority-Defined dan Everyday-Defined*. Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM. Bil. 6. Institut Kajian Etnik.
- PMO – Pejabat Perdana Menteri (2020a). *Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai COVID-19 - 16 Mac 2020*. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020/>
- PMO – Pejabat Perdana Menteri (2020b). *Perutusan Khas Perdana Menteri - 10 April 2020*. <https://www.pmo.gov.my/2020/04/perutusan-khas-perdana-menteri-10-april-2020/>
- PMO – Pejabat Perdana Menteri (2020c). *Perutusan Khas Perdana Menteri - 23 April 2020*. <https://www.pmo.gov.my/2020/04/teks-perutusan-khas-perdana-menteri-23-april-2020/>
- PMO – Pejabat Perdana Menteri (2020d). *Perutusan Khas COVID-19 (18 Mac 2020) – Stay at Home*. <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=muhyiddin&id=4838>

- Saat, G. (2019). "Komuniti", sebagai Konsep dan Metod dalam Penyelidikan Sains Sosial: Tafsiran Sosiologikal. *Akademika* 89(3), Oktober 2019: 53-62
<https://doi.org/10.17576/akad-2019-8903-05>.
- Saat, G., Mokhtar, R., & Mansur, K. (2020). Diaspora Impact To Indigenous Of Sama Dilaut In Sabah, Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 1 (3), 1-12
- Sadiq, K. (2008). *Paper Citizens: How Illegal Immigrants Acquire Citizenship in Developing Countries*. Oxford University Press.
- Saibeh, B. (2018a). Penduduk Tanpa Kewarganegaraan dan Isu Keterangkuman Sosial di Pulau Mabul, Sabah. *Southeast Asian Social Science Review* Vol. 4, No. 2, 2019, pp. 106-133, ISSN 0128-0406, e-ISSN 2550-2298
- Saibeh, B. (2018b). *Pendidikan untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan dan Kebolehcapaian Pendidikan dalam kalangan Penduduk di Pulau Mabul, Sabah*. [Tesis Doktor Falsafah, Institut Kajian Etnik, Universiti Kabangsaan Malaysia.]
- SH – Sinar Harian. (2020a, Mei 11). Bendung kluster warga asing. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/82924/KHAS/Pendapat/Bendung-kluster-warga-asing>
- SH – Sinar Harian. (2020b, Sep 1). Covid-19: Kluster Benteng LD melibatkan PATI dikenal pasti. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/99239/KHAS/Covid-19/Covid-19-Kluster-Benteng-LD-libatkan-PATI-dikenal-pasti>.
- Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. (2012). Laporan Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.